بسم الله الرحمن الرحيم

KITAB PUASA

(dipetik dari buku '*Fiqh Ringkas Di Bawah Skop Kitab & Sunnah*')

Disediakan oleh

Sekumpulan Ulama

Diterjemahkan oleh

AMS

Kitab Puasa

Ia merangkumi lima bab:

Bab Pertama: Mengenai Pendahuluan-pendahuluan Puasa

Dan padanya ada beberapa persoalan:

Persoalan Pertama: Pengenalan Puasa, dan penjelasan rukun-rukunnya:

1- **Pengenalannya:** Puasa di dalam bahasa: Menahan daripada sesuatu. Di dalam Syarak: Menahan daripada makan, minum, dan segala perkara yang membukakan puasa, berserta niat, dari terbit fajar benar sehingga terbenam matahari.

2- **Rukun-rukunnya:** Dari sepanjang pengenalan Puasa pada istilah, nyata bahawa ia mempunyai dua rukun asas, kedua-duanya adalah:

Pertama: Menahan dari perkara-perkara yang membukakan puasa dari terbit fajar sehingga terbenam matahari.

Dalil rukun ini adalah firman-Nya -تعالى-:

وَكُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمُ ٱلْخَيْطُ ٱلْأَبْيَضُ مِنَ ٱلْخَيْطِ ٱلْأَسْوَدِ مِنَ ٱلْفَجْرِ ۖ ثُمَّ أَتِمُّوا۟ ٱلصِّيَامَ إِلَى ٱلَّيْلِ ۚ

{*Maka sekarang berhubunganlah dengan mereka dan carilah apa yang telah ditetapkan oleh Allah untuk kamu, dan makanlah dan minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih berbanding benang hitam dari fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa sehingga masuk malam*} [Al-Baqarah : 187]. Yang dikehendaki dengan benang putih dan benang hitam: terang siang dan kegelapan malam.

Kedua: Niat, dengan bahawa orang yang berpuasa itu memaksudkan dengan perbuatan menahan dari perkara-perkara yang membukakan puasa kerana beribadah kepada Allah عَزَّوَجَلَّ. Dengan niat akan dibezakan amalan-amalan yang dimaksudkan untuk ibadah daripada amalan-amalan selainnya. Dengan niat akan dibezakan ibadah-ibadah sebahagiannya daripada sebahagian yang lain. Maka orang yang berpuasa meniatkan dengan puasa ini: Sama ada puasa Ramadhan, atau bentuk-bentuk puasa selainnya.

Dalil rukun ini adalah sabda Baginda صَلَّىٱللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى

(**Sesungguhnya amalan-amalan hanyalah dengan niat-niat, dan hanyalah untuk setiap individu apa yang dia niatkan**)[1].

Persoalan Kedua: Hukum Puasa Ramadhan dan Dalil Untuk Itu:

Allah عَزَّوَجَلَّ telah memfardhukan Puasa bulan Ramadhan, dan Dia menjadikan salah satu rukun Islam yang lima; dan itu dalam firman-Nya -تعالى-:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ كُتِبَ عَلَيْكُمُ ٱلصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى ٱلَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

{*Wahai orang-orang yang beriman! Telah difardhukan ke atas kamu berpuasa sebagaimana difardhukan ke atas orang-orang yang sebelum dari kamu, moga-moga kamu akan bertaqwa*} [Al-

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1) dan Muslim dengan no. (1907).

Baqarah : 183],

dan firman-Nya -تعالى-:

شَهۡرُ رَمَضَانَ ٱلَّذِيٓ أُنزِلَ فِيهِ ٱلۡقُرۡءَانُ هُدٗى لِّلنَّاسِ وَبَيِّنَٰتٖ مِّنَ ٱلۡهُدَىٰ وَٱلۡفُرۡقَانِۚ فَمَن شَهِدَ مِنكُمُ ٱلشَّهۡرَ فَلۡيَصُمۡهُۖ

{*Bulan Ramadhan yang diturunkan padanya Al-Quran sebagai hidayah untuk manusia, dan sebagai bukti-bukti terhadap hidayah, serta sebagai pemisah [baik dan buruk]. Maka sesiapa yang menyaksikan dari kalangan kamu bulan berkenaan maka hendaklah dia berpuasa akannya*} [Al-Baqarah : 185]

Juga kerana apa yang diriwayatkan oleh Abdullah bin Umar رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا, beliau berkata: Telah bersabda Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللهِ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَصَوْمِ رَمَضَانَ وَحَجِّ الْبَيْتِ

(**Telah dibina di atas lima: Penyaksian bahawa tiada tuhan melainkan Allah, dan bahawa Muhammad utusan Allah, mendirikan solat, memberikan zakat, berpuasa Ramadhan, menuju Baitullah Al-Haram**)[1] – sesiapa yang mampu kepadanya sebarang jalan.

Serta kepada apa yang diriwayatkan oleh Talhah bin Ubaidillah,

أَنَّ أَعْرَابِيًّا جَاءَ إِلَى رَسُولِ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ثَائِرَ الرَّأْسِ فَقَالَ يَا رَسُولَ اللهِ! .. أَخْبِرْنِي مَا فَرَضَ اللهُ عَلَيَّ مِنْ الصِّيَامِ. فَقَالَ: (شَهْرَ رَمَضَانَ). قَالَ: هَلْ عَلَيَّ غَيْرُهُ؟ قَالَ: (لَا إِلَّا أَنْ تَطَوَّعَ شَيْئًا) ...

Bahawa seorang Arab Badwi telah datang kepada Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ dalam keadaan kusut rambut, lalu dia berkata: Wahai Rasulullah! Khabarkanlah daku, apakah yang difardukan oleh Allah ke atas ku dari puasa? Baginda bersabda: (**Bulan Ramadhan**). Dia berkata: Adakah wajib ke atasku selainnya? Baginda bersabda: (**Tidak, melainkan engkau sukarela sesuatu ...**) hadith[2].

Telah bersepakat Ummah ke atas wajibnya puasa Ramadhan, ia salah satu rukun Islam yang diketahui dari Agama dengan kemestian, dan orang yang mengingkarinya adalah kafir, murtad daripada Islam.

Maka sabit dengan itu kefardhuan Puasa dengan Kitab, Sunnah dan Ijmak, serta telah ijmak orang-orang Islam terhadap kekufuran sesiapa yang mengingkarinya.

Persoalan Ketiga: Bahagian-bahagian Puasa:

Puasa itu adalah dua bahagian: Wajib dan sukarela; dan yang wajib itu terbahagi kepada tiga bahagian:

1- Puasa Ramadhan.

2- Puasa Kafarah.

3- Puasa Nazar.

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (8) dan Muslim dengan no. (16).
[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (46) dan Muslim dengan no. (11).

Perbincangan di sini tertumpu pada puasa Ramadhan, dan puasa sukarela. Adapun bahagian-bahagian yang lain, ia datang pada tempat-tempatnya, -إن شاء الله-.

Persoalan Keempat: Kelebihan Puasa Bulan Ramadhan, dan Hikmah Dari Pensyariatan Puasanya:

1- **Kelebihannya:**

Daripada Abu Hurairah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, daripada Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ, Baginda bersabda:

مَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ، وَمَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا، غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ.

(**Sesiapa yang mendirikan malam Qadar dalam keadaan beriman dan mengharap ganjaran, diampunkan untuknya apa yang telah lalu dari dosanya. Sesiapa yang berpuasa Ramadhan dalam keadaan beriman dan mengharap ganjaran, diampunkan untuknya apa yang telah lalu dari dosanya**)[1].

Dan daripada beliau, bahawa Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

الصَّلَوَاتُ الْخَمْسُ، وَالْجُمْعَةُ إِلَى الْجُمْعَةِ، وَرَمَضَانُ إِلَى رَمَضَانَ، مُكَفِّرَاتٌ مَا بَيْنَهُنَّ، إِذَا اجْتَنَبَ الْكَبَائِرَ

(**Solat-solat yang lima, Jumaat ke Jumaat, dan Ramadhan ke Ramadhan adalah penebus-penebus dosa bagi apa yang di antaranya, apabila dijauhi dosa-dosa besar**)[2].

Ini adalah sebahagian yang datang mengenai kelebihan berpuasa bulan Ramadhan, dan kelebihan-kelebihannya ada banyak lagi.

2- **Hikmah dari pensyariatan puasanya:** Telah mensyariatkan Allah -سبحانه- Puasa kerana hikmah-hikmah yang berbilang dan faedah-faedah yang banyak. Di antara itu adalah:

1. Penyucian jiwa, pembersihannya, dan pemurniannya dari pergaulan yang hina dan akhlak yang keji; kerana Puasa menyempitkan laluan-laluan syaitan pada badan insan.
2. Di dalam berpuasa menzuhudkan terhadap Dunia berserta syahwat-syahwatnya, dan menggemarkan kepada Akhirat berserta nikmat-nikmatnya.
3. Puasa membangkitkan sifat belas terhadap orang-orang miskin, dan merasakan keperitan mereka; kerana orang yang berpuasa mengalami keperitan lapar dan dahaga.

Berlanjutan kepada hikmah-hikmah yang hebat dan faedah-faedah yang berbilang selain itu.

Persoalan Kelima: Syarat-syarat Wajib Puasa Ramadhan:

Wajib puasa Ramadhan ke atas sesiapa yang cukup padanya syarat-syarat berikut:

1- Islam: Maka tidak wajib dan tidak sah Puasa dari seorang yang Kafir; kerana Puasa adalah ibadah, dan Ibadah tidak sah dari seorang yang Kafir. Bila dia memeluk Islam tidak dimestikan dia mengqada apa yang telah terlepas darinya.

---

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1901) dan Muslim dengan no. (760).
[2] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (233).

2- Baligh: Maka tidak wajib Puasa ke atas sesiapa yang belum sampai had taklif; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Diangkat pena daripada tiga golongan**)[1], lalu Baginda menyatakan di antara mereka adalah kanak-kanak sehinggalah dia bermimpi. Namun sah Puasa dari yang tidak baligh sekiranya dia berpuasa, jika dia mumaiyiz dan seharusnya untuk seorang penjaga menyuruh anak yang belum baligh berpuasa; agar dia membiasakan dan memesrakannya.

3- Berakal: Maka tidak wajib Puasa ke atas seorang yang gila dan seorang yang dungu; kerana sabda Baginda ﷺ: (**Diangkat pena dari tiga golongan**), lalu Baginda menyebut di antara mereka adalah 'orang yang gila sehingga dia sedar.

4- Sihat: Maka sesiapa yang sakit tidak mampu berpuasa, ia tidak wajib ke atasnya, dan jika dia berpuasa sah puasanya; kerana firman-Nya -تعالى-: {*dan sesiapa yang sakit atau di dalam perjalanan, maka gantian pada hari-hari yang lain*} [Al-Baqarah : 185]. Jika hilang penyakit, wajib ke atasnya mengqada hari-hari yang dia telah berbuka.

5- Menetap: Maka tidak wajib Puasa ke atas orang yang bermusafir; kerana firman Allah: {*dan sesiapa yang sakit atau di dalam perjalanan, maka gantian pada hari-hari yang lain*} [Al-Baqarah : 185] ayat; jika berpuasa seorang yang bermusafir, sah puasanya, dan wajib ke atasnya mengganti apa yang dia telah berbuka di dalam perjalanan.

6- Bersih dari haid dan nifas: Maka wanita yang haid dan yang nifas tidak wajib ke atas mereka berpuasa, bahkan diharamkan ke atas mereka; kerana sabda Baginda ﷺ:

أَلَيْسَ إِذَا حَاضَتْ لَمْ تُصَلِّ وَلَمْ تَصُمْ، فَذَلِكِ مِنْ نُقْصَانِ دِينِهَا

(**Adakah tidak, apabila dia haid, dia tidak solat dan tidak berpuasa? Maka itulah dari kekurangan agamanya**)[2], dan wajib qada ke atas mereka; kerana kata-kata Aisyah رضي الله عنها: "Dahulunya itu menimpa kami, lalu kami disuruh mengqada puasa, dan tidak disuruh kami mengqada solat"[3].

Persoalan Keenam: Penetapan Masuk Bulan Ramadhan dan Tamatnya:

Ditetapkan masuk bulan Ramadhan dengan melihat anak bulan, dengan diri sendiri, atau dengan penyaksian orang lain pada melihatnya, atau pemberitahuannya mengenai itu; apabila bersaksi seorang Muslim yang saksama tentang melihat anak bulan Ramadhan, tetaplah dengan penyaksian berkenaan masuknya bulan Ramadhan; kerana firman-Nya -تعالى-: {*maka sesiapa yang menyaksikan dari kalangan kamu bulan berkenaan, maka hendaklah dia berpuasa akannya*} [Al-Baqarah : 185], dan kerana sabda Baginda ﷺ:

إِذَا رَأَيْتُمُوهُ فَصُومُوا

(**Apabila kamu melihatnya, maka berpuasalah**)[4],

serta kerana hadith Ibnu Umar رضي الله عنهما: "Aku telah memberitahu Nabi ﷺ berkenaan terlihat Ramadhan, lalu Baginda berpuasanya dan Baginda menyuruh orang ramai berpuasanya"[5].

---

1 Diriwayatkan oleh Ahmad dengan no. (6/100) dan Abu Daud dengan no. (4/558). Disahihkan oleh Al-Albaani (*Al-Irwaa'* dengan no. 297).
2 Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (304).
3 Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (335).
4 Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1900) dan Muslim dengan no. (1080)-8.
5 Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (2342), dan Al-Hakim di dalam *Al-Mustadrak* (1/423) dan beliau mensahihkannya.

Jika tidak dilihat anak bulan, atau tidak bersaksi seorang Muslim yang saksama tentang melihatnya, wajib disempurnakan bilangan Syaaban tiga puluh hari. Tidak akan sabit masuk bulan berkenaan tanpa dua perkara ini –melihat anak bulan, atau disempurnakan Syaaban tiga puluh hari– kerana sabda Baginda صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

صُومُوا لِرُؤْيَتِهِ وَأَفْطِرُوا لِرُؤْيَتِهِ فَإِنْ غُبِّيَ عَلَيْكُمْ فَأَكْمِلُوا عِدَّةَ شَعْبَانَ ثَلَاثِينَ

(**Berpuasalah kerana melihatnya dan berbukalah kerana melihatnya. Jika ia terlindung terhadap kamu, maka sempurnakanlah bilangan Syaaban tiga puluh**)[1].

Ditetapkan berakhirnya Ramadhan dengan melihat anak bulan Syawal dengan penyaksian dua Muslim yang saksama. Jika tidak bersaksi dua Muslim yang saksama berkenaan melihat anak bulan, wajib disempurnakan bilangan Ramadhan tiga puluh hari.

Persoalan Ketujuh: Waktu Niat Dalam Puasa dan Hukumnya:

Wajib ke atas seorang yang berpuasa untuk meniatkan berpuasa, dan ia adalah satu rukun dari rukun-rukunnya sebagaimana yang telah lalu; kerana sabda Baginda صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (**Amalan-amalan itu hanya dengan niat, dan untuk setiap individu hanya apa yang dia niatkan**). Dia meniatkannya sejak malam pada puasa yang wajib; seperti puasa Ramadhan, kaffarah, qada dan nazar, sekali satu detik sebelum fajar; kerana sabda Baginda صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

مَنْ لَمْ يُبَيِّتْ الصِّيَامَ قَبْلَ الْفَجْرِ فَلَا صِيَامَ لَهُ

(**Sesiapa yang tidak memalamkan berpuasa, sebelum fajar, maka tiada puasa baginya**)[2].

Sesiapa yang meniatkan puasa pada siang hari, dan dia tidak makan apa-apa, tidak memadainya kecuali puasa sukarela, kerana ia dibolehkan dengan niat pada siang hari, sekiranya dia tidak makan sesuatu dari makanan atau minuman; kerana hadith Aisyah رَضِيَ ٱللَّٰهُ عَنْهَا, beliau berkata:

دَخَلَ عَلَيَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ذَاتَ يَوْمٍ فَقَالَ: (هَلْ عِنْدَكُمْ شَيْءٌ؟) فَقُلْنَا: لَا. قَالَ: (فَإِنِّي إِذَنْ صَائِمٌ)

Telah masuk kepadaku Nabi صَلَّى ٱللَّٰهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ pada suatu hari, lalu Baginda bersabda: (**Adakah di sisi kamu sesuatu?**). Lantas kami berkata: Tidak. Baginda pun bersabda: (**Maka aku jika demikian berpuasa**)[3]. Sedangkan puasa wajib tidak akan terjadi dengan niat pada siang hari, dan tiada pilihan untuknya selain berniat waktu malam.

Memadai satu niat pada awal Ramadhan untuk seluruh bulan, namun digalakkan memperbaharuinya pada setiap hari.

---

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1909) dan Muslim dengan no. (1081).

[2] Dikeluarkan oleh At-Tirmidzi dengan no. (733), An-Nasaa'ie (4/196), Ibnu Majah dengan no. (1700), dan lafaz oleh An-Nasaa'ie. Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih At-Tirmidzi* no. 583).

[3] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (1154)-170.

Bab Kedua: Berkenaan Keuzuran-keuzuran Yang Membolehkan Untuk Berbuka serta Perkara-perkara Yang Membukakan Orang Yang Berpuasa

Dan padanya ada beberapa persoalan:

Persoalan Pertama: Alasan-alasan Yang Membolehkan Untuk Berbuka Dalam Ramadhan:
Diharuskan berbuka dalam Ramadhan bagi salah satu alasan-alasan yang berikut:

Pertama: Penyakit dan Ketuaan; Dibolehkan untuk orang sakit yang diharap kesembuhannya berbuka, lalu apabila dia sembuh wajib ke atasnya mengqada hari-hari yang dia berbuka padanya; kerana firman-Nya -تعالى-:

أَيَّامًا مَّعْدُودَاتٍ ۚ فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۚ

{*hari-hari yang tertentu, maka sesiapa yang sakit dari kalangan kamu atau dalam perjalanan, maka gantian pada hari-hari yang lain*} [Al-Baqarah : 184],
dan kerana firman-Nya -تعالى-:

فَمَن شَهِدَ مِنكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ ۖ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ ۗ

{*maka sesiapa yang menyaksikan bulan berkenaan dari kalangan kamu maka hendaklah dia berpuasa akannya, dan sesiapa yang sakit atau dalam perjalanan maka gantian dari hari-hari yang lain*} [Al-Baqarah : 185]

Penyakit yang dilonggarkan dengannya untuk berbuka adalah penyakit yang menyukarkan seorang sakit untuk berpuasa dengan sebabnya.

Adapun orang sakit yang tidak diharap kesembuhannya, atau seorang yang lemah dari berpuasa kerana kelemahan yang berterusan seperti lanjut usia: Sesungguhnya dia berbuka, dan tidak wajib ke atasnya mengqada, dia hanyalah dimestikan membayar fidyah, dengan memberi makan bagi setiap hari seorang miskin; kerana Allah عَزَّوَجَلَّ pernah menjadikan memberi makan sebagai gantian berpuasa ketika menjadi pilihan di antara kedua-duanya pada awal mana difardhukan Puasa, maka terpilih untuk ia menjadi gantiannya ketika keuzuran.

Berkata Imam Al-Bukhari رَحِمَهُ ٱللَّهُ: "Adapun seorang tua yang lanjut usia, apabila dia tidak terdaya berpuasa, sesungguhnya telah memberi makan Anas setelah mana beliau lanjut usia, setahun atau dua tahun, bagi setiap hari seorang miskin. Berkata Ibnu Abbas رَضِيَ ٱللَّهُ عَنْهُمَا mengenai orang tua yang lanjut usia dan wanita yang lanjut usia, yang mereka berdua tidak mampu untuk berpuasa: maka hendaklah mereka berdua, bagi kedudukan setiap hari seorang miskin"[1].

Seorang yang lemah dari berpuasa memberi makan kerana kelemahan yang tidak diharap hilangnya, sama ada dengan sebab penyakit atau dengan lanjut usia, bagi setiap hari seorang miskin, separuh cupak dari gandum, atau tamar, atau beras, atau sebagainya daripada makanan asasi tempatan. Sukatan secupak adalah dua kilo suku lebih kurang (2.25), maka memberi makan bagi setiap hari adalah: satu kilo seratus dua puluh lima gram (1125 gram) lebih kurang.

Ini [hukumnya], namun jika seorang yang sakit berpuasa, sah puasanya dan ia memadainya.

Kedua: Perjalanan; Dibolehkan untuk orang yang bermusafir berbuka dalam Ramadhan, dan wajib ke atasnya mengqada; kerana firman-Nya -تعالى-:

---

[1] *Sahih Al-Bukhari* dengan no. (4505), Kitab As-Siyam.

فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ

{*maka sesiapa yang sakit dari kalangan kamu atau dalam perjalanan, maka gantian pada hari-hari yang lain*} [Al-Baqarah : 184],
dan firman-Nya -تعالى-:

فَمَن شَهِدَ مِنكُمُ ٱلشَّهْرَ فَلْيَصُمْهُ وَمَن كَانَ مَرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ

{*maka sesiapa yang menyaksikan bulan berkenaan dari kalangan kamu maka hendaklah dia berpuasa akannya, dan sesiapa yang sakit atau dalam perjalanan maka gantian dari hari-hari yang lain*} [Al-Baqarah : 185].

Juga kerana sabda Baginda صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kepada orang yang menanyakan Baginda mengenai Puasa di dalam perjalanan:

إِنْ شِئْتَ فَصُمْ وَإِنْ شِئْتَ فَأَفْطِرْ

(**Jika engkau mahu maka berpuasalah, dan jika engkau mahu maka berbukalah**)[1].
Serta Baginda telah keluar ke Mekah dalam keadaan berpuasa dalam Ramadhan, apabila Baginda sampai Al-Kadid Baginda berbuka, lalu orang ramai pun berbuka[2].

Diharuskan berbuka dalam perjalanan panjang yang diharuskan padanya memendekkan Solat[3], dan ia adalah apa yang diukur dengan empat puluh lapan batu, iaitu: sekitar lapan puluh kilometer.

Perjalanan yang mengharuskan untuk berbuka dalam Ramadhan adalah perjalanan yang diharuskan. Jika perjalanan maksiat atau perjalanan yang dikehendaki dengannya penghalalan untuk berbuka, tidak diharuskan untuknya berbuka dengan perjalanan ini.

Jika berpuasa seorang yang bermusafir, sah puasanya dan ia memadainya, kerana hadith Anas رَضِيَ ٱللَّهُ عَنْهُ: "Kami dahulu bermusafir bersama Nabi صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ, lalu tidak mengaibkan orang yang berpuasa terhadap orang yang berbuka, dan tidak orang yang berbuka terhadap orang yang berpuasa"[4]. Tetapi dengan syarat ia tidak menyukarkan terhadapnya berpuasa dalam perjalanan. Jika ia menyukarkan terhadapnya, atau ia memudharatkan padanya, maka berbuka pada haknya adalah lebih utama; bagi mengambil kelonggaran; kerana Nabi صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ternampak dalam satu perjalanan seorang lelaki berpuasa dipitamkan dari kerana kepanasan melampau, dan telah berhimpun orang ramai di sekelilingnya, lalu Baginda صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

لَيْسَ مِنْ الْبِرِّ الصِّيَامُ فِي السَّفَرِ

(**Bukanlah dari kebaikan berpuasa dalam perjalanan**)[5].

Ketiga: Haid dan Nifas; Wanita yang didatangi oleh haid atau nifas akan berbuka dalam Ramadhan secara wajib, diharamkan ke atasnya berpuasa, dan kalau dia berpuasa ia tidak sah daripadanya; kerana hadith Abi Sa'eid Al-Khudri رَضِيَ ٱللَّهُ عَنْهُ, bahawa Nabi صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ telah bersabda:

أَلَيْسَ إِذَا حَاضَتْ لَمْ تُصَلِّ وَلَمْ تَصُمْ، فَذَلِكَ مِنْ نُقْصَانِ دِينِهَا

(**Adakah tidak, apabila dia haid, dia tidak solat dan tidak berpuasa? Maka itulah dari kekurangan**

---

[1] *Sahih Al-Bukhari* dengan no. (1943)
[2] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1944).
[3] Lihat: *Al-Mughni* (3/34).
[4] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1947).
[5] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1946).

agamanya)[1].

Wajib ke atas mereka berdua mengqada; kerana kata-kata Aisyah رَضِيَ ٱللَّهُ عَنْهَا: "Dahulunya itu menimpa kami, lalu kami disuruh mengqada puasa, dan tidak disuruh kami mengqada solat"[2].

Keempat: Kehamilan dan Penyusuan; Wanita apabila berkeadaan mengandung atau menyusukan, dan dia bimbang terhadap dirinya atau anaknya dengan sebab berpuasa, dibolehkan untuknya berbuka, kerana apa yang diriwayatkan oleh Anas رَضِيَ ٱللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Telah bersabda Rasulullah صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

إِنَّ اللهَ عَزَّ وَجَلَّ وَضَعَ عَنْ الْمُسَافِرِ شَطْرَ الصَّلَاةِ وَالصِّيَامَ وَعَنْ الْحَامِلِ وَالْمُرْضِعِ

(**Sesungguhnya Allah telah menggugurkan daripada orang yang bermusafir separuh Solat dan Puasa, dan daripada wanita yang mengandung dan menyusukan Puasa**)[3]. Akan mengqada wanita yang hamil dan yang menyusukan sebagai ganti hari-hari yang mereka berdua berbuka, dan itu adalah jika mereka berdua bimbangkan terhadap diri mereka berdua. Sekiranya bimbang wanita yang hamil di samping itu terhadap janinnya, atau wanita yang menyusukan terhadap anak susuannya; dia memberi makan berserta mengqada bagi setiap hari seorang miskin; kerana kata-kata Ibnu Abbas رَضِيَ ٱللَّهُ عَنْهُمَا: "Wanita yang menyusukan dan yang mengandung, apabila mereka bimbang terhadap anak-anak mereka, mereka berbuka dan memberi makan"[4].

Maka disimpulkan dari semua itu, bahawa sebab-sebab yang mengharuskan untuk berbuka ada empat: perjalanan, penyakit, haid dan nifas, serta bimbangkan kebinasaan sepertimana pada yang hamil dan yang menyusukan.

Persoalan Kedua: Perkara-perkara Yang Membukakan Orang Yang Berpuasa:

Ia perkara-perkara yang akan merosakkan terhadap orang yang berpuasa puasanya dan menjadikannya berbuka. Akan berbuka seorang yang berpuasa dengan melakukan salah satu dari perkara-perkara berikut:

Pertama: Makan atau Minum Dengan Sengaja; kerana firman-Nya -تعالى-:

وَكُلُوا۟ وَٱشْرَبُوا۟ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَكُمُ ٱلْخَيْطُ ٱلْأَبْيَضُ مِنَ ٱلْخَيْطِ ٱلْأَسْوَدِ مِنَ ٱلْفَجْرِ ۖ ثُمَّ أَتِمُّوا۟ ٱلصِّيَامَ إِلَى ٱلَّيْلِ ۚ

{*dan makanlah dan minumlah sehingga nyata kepada kamu benang putih berbanding benang hitam dari fajar. Kemudian sempurnakanlah puasa sehingga malam*} [Al-Baqarah : 187].

Demi sesungguhnya telah menjelaskan ayat bahawa tidak diharuskan untuk orang yang berpuasa makan dan minum setelah terbitnya fajar sehingga masuk malam –terbenam Matahari–. Adapun sesiapa yang makan atau minum dalam keadaan terlupa, maka puasanya adalah sahih, dan wajib ke atasnya menahan diri apabila dia teringat, atau dia tersedar bahawa dia berpuasa; kerana sabda Baginda:

مَنْ نَسِيَ وَهُوَ صَائِمٌ فَأَكَلَ أَوْ شَرِبَ فَلْيُتِمَّ صَوْمَهُ فَإِنَّمَا أَطْعَمَهُ اللهُ وَسَقَاهُ

---

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (304).
[2] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (335).
[3] Diriwayatkan oleh At-Tirmidzi dengan no. (715) dan beliau menghasankannya, An-Nasaa'ie (2/103). Ibnu Majah dengan no. (1667). Dihasankan oleh Al-Albaani (*Sahih Sunan An-Nasaa'ie* dengan no. 2145).
[4] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (2317, 2318), dan disahihkan oleh Al-Albaani di dalam *Al-Irwaa* (4/18, 25). Diriwayatkan juga sepertinya daripada Ibnu Umar.

(**Sesiapa yang terlupa sedangkan dia berpuasa, lalu dia makan atau minum, maka sempurnakanlah puasanya, hanyalah Allah yang memberi makan dan minum kepadanya**)[1].

Akan rosak Puasa dengan sedutan[2], dan dengan setiap yang sampai ke rongga, sekalipun melalui selain mulut, dari perkara yang dalam hukum makan dan minum, seperti suntikan pemakanan.

Kedua: Persetubuhan; Akan terbatal Puasa dengan persetubuhan, maka sesiapa yang bersetubuh sedangkan dia berpuasa batal puasanya, wajib ke atasnya bertaubat dan memohon keampunan, mengqada hari yang dia bersetubuh padanya. Wajib juga ke atasnya bersama qada berkenaan kafarah, iaitu membebaskan seorang hamba wanita. Jika dia tidak dapati, dia berpuasa dua bulan berturut. Jika dia tidak berdaya, dia memberi makan enam puluh orang miskin; kerana hadith Abi Hurairah رضي الله عنه, beliau berkata:

بَيْنَما نَحْنُ جُلُوسٌ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذْ جَاءَهُ رَجُلٌ، فَقَالَ: يَا رَسُولَ اللهِ! هَلَكْتُ. قَالَ: (مَا لَكَ؟). قَالَ: وَقَعْتُ عَلَى امْرَأَتِي وَأَنَا صَائِمٌ. فَقَالَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (هَلْ تَجِدُ رَقَبَةً تُعْتِقُهَا؟) قَالَ: لَا. قَالَ: (فَهَلْ تَسْتَطِيعُ أَنْ تَصُومَ شَهْرَيْنِ مُتَتَابِعَيْنِ؟). قَالَ: لَا. فَقَالَ: (فَهَلْ تَجِدُ إِطْعَامَ سِتِّينَ مِسْكِينًا؟). قَالَ: لَا. قَالَ: فَمَكَثَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، فَبَيْنَا نَحْنُ عَلَى ذَلِكَ، أُتِيَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِعَرَقٍ فِيهَا تَمْرٌ، -وَالْعَرَقُ الْمِكْتَلُ-. قَالَ: (أَيْنَ السَّائِلُ؟) فَقَالَ: أَنَا. قَالَ: (خُذْهَا، فَتَصَدَّقْ بِهِ). فَقَالَ الرَّجُلُ: أَعَلَى أَفْقَرَ مِنِّي، يَا رَسُولَ اللهِ؟! فَوَاللهِ، مَا بَيْنَ لَابَتَيْهَا -يُرِيدُ الْحَرَّتَيْنِ- أَهْلُ بَيْتٍ أَفْقَرُ مِنْ أَهْلِ بَيْتِي. فَضَحِكَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى بَدَتْ أَنْيَابُهُ، ثُمَّ قَالَ: (أَطْعِمْهُ أَهْلَكَ).

"Sedang mana kami duduk di sisi Nabi ﷺ, tiba-tiba datang kepada Baginda seorang lelaki, lalu dia berkata: Wahai Rasulullah ﷺ, aku binasa. Maka Baginda bersabda: (**Apa kena dengan kamu?**). Dia berkata: Aku telah menimpa isteriku sedangkan aku berpuasa. Maka bersabda Rasulullah ﷺ: (**Adakah kamu mempunyai hamba wanita yang kamu boleh bebaskan?**). Dia berkata: Tidak. Baginda bersabda: (**Adakah kamu mampu untuk berpuasa dua bulan berturut-turut?**). Dia berkata: Tidak. Baginda bersabda: (**Adakah kamu memiliki untuk memberi makan enam puluh orang miskin?**). Dia berkata: Tidak. Beliau [yakni Abu Hurairah] berkata: Lalu telah diam Nabi ﷺ, dan sedang mana kamu sedemikian, dibawakan kepada Nabi ﷺ satu raga yang di dalamnya tamar -seraga iaitu sebakul-, Baginda pun bersabda: (**Mana orang yang bertanya** [tadi]**?**). Lantas dia berkata: Saya. Baginda bersabda: (**Ambil ini dan bersedekahlah dengannya**). Lalu lelaki berkenaan berkata: Adakah kepada yang lebih fakir daripada ku, wahai Rasulullah? Demi Allah tiada di antara dua mendapannya -dia maksudkan dua batu gunung berapi- ahli rumah yang lebih fakir berbanding ahli keluargaku. Lalu telah ketawa Nabi ﷺ sehingga terlihat gigi taring Baginda. Kemudian Baginda bersabda: (**Beri makan ia kepada keluargamu**)[3]".

Termasuk di dalam pengertian bersetubuh: pengeluaran mani secara pilihan; maka apabila berejakulasi seorang yang berpuasa secara pilihan dengan ciuman, atau sentuhan, atau onani, atau selain itu, rosak puasanya; kerana itu adalah dari syahwat yang bertentangan puasa, dan wajib ke atasnya mengqada tanpa kafarah; kerana kafarah tidak dimestikan melainkan dengan persetubuhan

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1933) dan Muslim dengan no. (1155) dari hadis Abi Hurairah رضي الله عنه.
[2] Iaitu ubat yang dituangkan ke dalam hidung.
[3] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1936) dan Muslim dengan no. (1111).

sahaja, kerana datang nas khas untuknya.

Adapun apabila tidur seorang yang berpuasa lalu dia bermimpi, atau dia berejekulasi dengan tanpa syahwat seperti seorang yang sakit, maka tidak batal puasanya; kerana tiada pilihan baginya dalam itu.

Ketiga: Muntah Dengan Sengaja; iaitu mengeluarkan makanan atau minuman yang di dalam perut melalui jalan mulut dengan sengaja. Adapun apabila ditewaskan oleh muntah dan ia keluar darinya dengan tanpa pilihannya, maka ia tidak memberi kesan kepada puasanya; kerana sabda Baginda ﷺ:

مَنْ ذَرَعَهُ الْقَيْءُ فَلَيْسَ عَلَيْهِ قَضَاءٌ وَمَنْ اسْتَقَاءَ عَمْدًا فَلْيَقْضِ

(**Sesiapa yang ditewaskan[1] oleh muntah maka tiada ke atasnya qada, dan sesiapa yang memuntahkan dengan sengaja maka hendaklah dia mengqada**)[2].

Keempat: Berbekam; iaitu mengeluarkan darah dari kulit dan bukan saluran-saluran darah. Maka apabila berbekam seorang yang berpuasa, telah rosaklah puasanya; kerana sabda Baginda ﷺ:

أَفْطَرَ الْحَاجِمُ وَالْمَحْجُومُ

(**Telah berbukalah yang membekam dan yang dibekam**)[3],

dan begitu juga ia merosakkan puasa orang membekam, melainkan apabila dia membekamnya dengan alat-alat yang berasingan, dan tidak perlu kepada menyedut darah, maka dia -Allah lebih mengetahui- tidak berbuka.

Termasuk di dalam pengertian berbekam: mengeluarkan darah dengan flebotomi[4], dan mengeluarkannya demi kerana mendermakannya. Adapun keluarnya darah dengan luka, atau mencabut gigi, atau hidung berdarah maka ia tidak memudaratkan; kerana ia bukan berbekam dan bukan pada maknanya.

Kelima: Keluar Darah Haid dan Nifas; maka apabila melihat seorang wanita darah haid atau nifas dia berbuka, dan wajib ke atasnya qada; kerana sabda Baginda ﷺ mengenai wanita:

أَلَيْسَ إِذَا حَاضَتْ لَمْ تُصَلِّ وَلَمْ تَصُمْ، فَذَلِكِ مِنْ نُقْصَانِ دِينِهَا

(**Adakah tidak, apabila dia datang haid, dia tidak solat dan dia tidak puasa**)[5].

Keenam: Niat Berbuka; maka sesiapa yang berniat untuk berbuka sebelum waktu berbuka sedangkan dia berpuasa, batal puasanya, sekalipun dia tidak menyentuh perkara yang membukakan puasa. Kerana niat adalah salah satu dari dua rukun Puasa, maka apabila dia merungkaikannya dengan tujuan berbuka, dan sengaja untuknya, termansuh puasanya.

Ketujuh: Murtad; kerana pertentangan-pertentangannya terhadap ibadah, dan kerana firman-Nya -تعالى-:

---

[1] Iaitu: memaksanya dan menewaskan untuk keluar.

[2] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (2380), At-Tirmidzi dengan no. (720), dan Ibnu Majah dengan no. (1676). Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih Ibnu Majah* dengan no. 1368).

[3] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (2367), dan Ibnu Khuzaimah dengan no. (1983). Disahihkan oleh Al-Albaani isnadnhya (*At-Ta'liq ala Ibni Khuzaimah* 3/236).

[4] Flebotomi: pembelahan saluran darah.

[5] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (304).

لَئِنْ أَشْرَكْتَ لَيَحْبَطَنَّ عَمَلُكَ

{*benar-benar jika engkau melakukan penyekutuan, pasti gugur amalanmu*} [Az-Zumar : 65].

Bab Ketiga: Perkara-perkara Galakan dan Makruh Puasa

Dan padanya ada dua persoalan:

Persoalan Pertama: Perkara-perkara Galakan Puasa:

Digalakkan untuk orang yang berpuasa agar menjaga dalam puasanya perkara-perkara yang

berikut: 1- Bersahur: Kerana sabda Baginda ﷺ:

تَسَحَّرُوا فَإِنَّ فِي السَّحُورِ بَرَكَةً

(**Bersahurlah kerana di dalam bersahur ada keberkatan**)[1].

Terealisasi sahur dengan makanan yang banyak dan yang sedikit, walau dengan seteguk air, dan waktu sahur adalah dari pertengahan malam sehingga terbit fajar.

2- Melewatkan bersahur: kerana hadith Zaid bin Thabit رضي الله عنه, beliau berkata: Kami bersahur bersama Rasulullah ﷺ, kemudian kami bangun untuk solat. Aku [yakni perawi] berkata: Berapakah kadar di antara kedua-duanya? Beliau berkata: Lima puluh ayat[2].

3- Menyegerakan berbuka: Digalakkan untuk orang yang berpuasa menyegerakan berbuka apabila ternyata terbenamnya matahari. Daripada Sahl bin Saad رضي الله عنه, bahawa Nabi ﷺ bersabda:

لَا يَزَالُ النَّاسُ بِخَيْرٍ مَا عَجَّلُوا الْفِطْرَ

(**Berterusan manusia pada kebaikan selama mereka menyegerakan berbuka**)[3].

4- Berbuka dengan beberapa biji rutob: Lalu jika dia tidak dapati maka beberapa biji tamar, dan hendaklah ia berbilangan ganjil. Jika dia tak dapati maka dengan beberapa teguk air; kerana hadith Anas رضي الله عنه, beliau berkata:

كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُفْطِرُ عَلَى رُطَبَاتٍ قَبْلَ أَنْ يُصَلِّيَ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ رُطَبَاتٌ فَعَلَى تَمَرَاتٍ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ حَسَا حَسَوَاتٍ مِنْ مَاءٍ

"Dahulunya Rasulullah ﷺ berbuka dengan beberapa biji rutob sebelum Baginda solat, jika tidak ada beberapa biji rutob maka dengan beberapa biji tamar, jika tidak ada Baginda akan menghirup beberapa teguk air"[4].

Jika dia tidak dapati sesuatu, dia berniat untuk berbuka dengan hatinya, dan itu memadai untuknya.

5- Berdoa ketika berbuka, dan sewaktu berpuasa: Kerana sabda Baginda ﷺ:

ثَلَاثَةٌ لَا تُرَدُّ دَعْوَتُهُمْ؛ الصَّائِمُ حَتَّى يُفْطِرَ، وَالْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَدَعْوَةُ الْمَظْلُومِ.

(**Tiga golongan yang tidak ditolak doa mereka: Seorang yang berpuasa sehingga dia berbuka,**

---

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1923) dan Muslim dengan no. (1095).

[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (575) dan Muslim dengan no. (1097), dan lafaz oleh Muslim.

[3] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1957) dan Muslim dengan no. (1098).

[4] Diriwayatkan oleh Abu Daud dengan no. (2356), At-Tirmidzi dengan no. (696) dan beliau menghasankannya. Dikeluarkan oleh Al-Baghowi di dalam *Syarh As-Sunnah* (6/266) dan beliau menghasankannya. Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih At-Tirmidzi* dengan no. 560). Mengatakan kuat isnadnya Al-Arnawut di dalam ulasan terhadap *Syarh As-Sunnah*.

pemimpin yang adil, dan orang yang dizalimi)[1].

6- Membanyakkan bersedekah, membaca Al-Quran, memberi berbuka orang-orang yang berpuasa, dan segala amalan kebajikan: Daripada Ibnu Abbas رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata:

كَانَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدَ النَّاسِ، وَكَانَ أَجْوَدُ مَا يَكُونُ فِي رَمَضَانَ حِينَ يَلْقَاهُ جِبْرِيلُ، وَكَانَ يَلْقَاهُ فِي كُلِّ لَيْلَةٍ مِنْ رَمَضَانَ فَيُدَارِسُهُ الْقُرْآنَ، فَلَرَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَجْوَدُ بِالْخَيْرِ مِنَ الرِّيحِ الْمُرْسَلَةِ.

"Dahulunya Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ manusia yang paling dermawan dengan kebaikan, Baginda adalah paling dermawan dalam Ramadhan ketika Baginda ditemui oleh Jibrail. Jibrail menemui Baginda pada tiap-tiap malam Ramadhan, lalu dia mengulang ajar Baginda Al-Quran. Maka Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ketika Baginda ditemui oleh Jibrail adalah lebih dermawan dengan kebaikan berbanding angin yang bertiup"[2].

7- Berusaha pada Solat Malam: dan khususnya pada sepuluh akhir dari Ramadhan; daripada Aisyah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ الْعَشْرُ شَدَّ مِئْزَرَهُ وَأَحْيَا لَيْلَهُ وَأَيْقَظَ أَهْلَهُ

(**Dahulunya Nabi صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ, apabila masuk yang sepuluh** [akhir Ramadhan]**, Baginda mengetatkan kain Baginda, hidupkan malam Baginda, dan kejutkan keluarga Baginda**)[3],
dan kerana umum sabda Baginda صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

(**Sesiapa yang mendirikan Ramadhan dalam keadaan beriman dan berharap pahala** [Allah]**, diampunkan untuknya apa yang telah berlalu dari dosanya**)[4].

8- Menunaikan Umrah: kerana sabda Baginda صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

عُمْرَةٌ فِي رَمَضَانَ تَعْدِلُ حَجَّةً

(**Umrah dalam Ramadhan menyamai satu Haji**)[5].

9- Berkata: "Saya seorang yang berpuasa" kepada sesiapa yang mencercanya: dan itu kerana sabda Baginda صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

... وَإِذَا كَانَ يَوْمُ صَوْمِ أَحَدِكُمْ، فَلَا يَرْفُثْ وَلَا يَصْخَبْ، فَإِنْ سَابَّهُ أَحَدٌ أَوْ قَاتَلَهُ، فَلْيَقُلْ إِنِّي امْرُؤٌ صَائِمٌ

(**... dan apabila hari berpuasa seseorang kamu, maka janganlah dia bercakap lucah, dan janganlah dia menjerit. Jika memakinya seseorang, atau menyerangnya, maka katakanlah: Aku seorang yang berpuasa**)[6].

---

[1] Diriwayatkan oleh At-Tirmidzi dengan no. (2526) dan beliau menghasankannya. Dikeluarkan oleh Al-Baihaqi (3/345) dan lain-lain daripada Anas secara marfu' dengan lafaz: (**Tiga doa yang tidak akan ditolak: Doa bapa, doa orang berpuasa, dan doa orang musafir**). Disahihkan oleh Al-Albaani (*As-Sahihah* 1797).
[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (6) dan Muslim dengan no. (2308).
[3] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (2023) dan Muslim dengan no. (1174).
[4] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (759).
[5] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1782) dan Muslim dengan no. (1256).
[6] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1904) dan Muslim dengan no. (1151), dan lafaz oleh Al-Bukhari.

Persoalan Kedua: Perkara-perkara Makruh Puasa:

Dimakruhkan pada hak orang yang berpuasa sebahagian perkara yang barangkali akan membawa kepada tercalar puasanya, terkurang pahalanya, dan ia adalah:

1- Melampau pada berkumur-kumur dan memasukkan air ke dalam hidung: dan itu kerana bimbang akan perginya air ke dalam rongganya; kerana sabda Baginda ﷺ:

.. وَبَالِغْ فِي الِاسْتِنْشَاقِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ صَائِمًا

(**.. dan bersungguhlah di dalam beristinsyaq melainkan bahawa engkau seorang yang berpuasa**)[1].

2- Mengucup; bagi sesiapa yang tergerak syahwatnya, dan dia dari kalangan orang yang tidak boleh menjamin terhadap dirinya: maka dimakruhkan untuk orang yang berpuasa mencium isterinya, atau hamba wanitanya; kerana ia mungkin membawa kepada rangsangan syahwat yang akan mengheret kepada rosaknya Puasa dengan onani atau persetubuhan. Jika dia dapat menjamin terhadap dirinya dari rosak puasanya, maka tidak mengapa; kerana Nabi ﷺ dahulu mencium sedangkan Baginda berpuasa. Berkata Aisyah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: "dan Baginda adalah paling mengusai di kalangan kamu terhadap keinginan Baginda"[2] -iaitu: hajat Baginda-. Demikian juga wajib ke atasnya menjauhi setiap apa yang dari urusannya merangsang syahwatnya dan menggerakkannya; seperti berterusan memandang kepada isteri, atau hamba wanita, atau memikirkan mengenai hal persetubuhan; kerana ia boleh membawa kepada onani atau persetubuhan.

3- Menelan kahak: kerana itu sampai kepada rongga, ia menjadi kuat dengannya, di samping rasa jijik dan mudharat yang terhasil daripada perbuatan ini.

4- Merasa makanan dengan tanpa keperluan: Jika dia memerlukan kepada itu -seperti dia seorang tukang masak yang perlu untuk merasa garamnya atau seumpamanya- maka tidak mengapa, berserta berjaga daripada sampainya sesuatu dari itu ke tekaknya.

---

[1] Diriwayatkan oleh At-Tirmidzi dengan no. (788) dan beliau mensahihkannya, An-Nasaa'ie (1/66), Ibnu Majah dengan no. (407). Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih An-Nasaa'ie* dengan no. 85).

[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1927) dan Muslim dengan no. (1106)-64.

Bab Keempat: Berkenaan Mengqada, Puasa Galakan, dan Apa Yang Dimakruhkan dan Diharamkan Dari Berpuasa,

Dan padanya ada beberapa persoalan:

Persoalan Pertama: Mengqada Puasa:

Apakala berbuka seorang Muslim sehari dari Ramadhan dengan tanpa alasan, wajib ke atasnya untuk bertaubat kepada Allah, dan memohon keampunannya; kerana itu adalah kesalahan yang besar, dan kemungkaran yang besar. Wajib ke atasnya berserta taubat dan istighfar, mengqada dengan kadar apa yang dia berbuka sesudah Ramadhan. Wajib mengqada di sini adalah dengan segera mengikut yang sahih dari pendapat Ahli Ilmu, kerana dia tidak dilonggarkan untuknya berbuka, serta yang asal adalah dia menunaikannya pada waktunya.

Adapun apabila dia berbuka dengan alasan seperti haid, atau nifas, atau sakit, atau perjalanan, atau alasan-alasan lain selain itu yang membolehkan untuk berbuka, maka wajib ke atasnya mengqada, namun ia tidak wajib ke atasnya dengan segera, bahkan ia di atas penangguhan sehingga Ramadhan yang berikut. Tetapi disunatkan untuknya, dan digalakkan penyegeraan mengqada, kerana padanya terdapat pencepatan melepaskan tanggungan, dan ia lebih menjaga untuk seseorang hamba; kerana barangkali akan mendatang kepadanya apa yang akan menghalangnya dari berpuasa, seperti sakit dan sebagainya. Jika dia menangguhkannya sehingga Ramadhan kedua, dan dia mempunyai alasan pada penangguhannya, seperti berterusan alasannya, maka wajib ke atasnya mengqada sesudah Ramadhan yang kedua.

Manakala jika dia menangguhkannya sehingga Ramadhan yang kedua dengan tanpa alasan, maka wajib ke atasnya berserta mengqada, untuk memberikan makan seorang miskin bagi setiap hari.

Tidak disyaratkan dalam mengqada berturut-turut, bahkan ia sah secara berturut-turut dan berasing-asing, kerana firman-Nya -تعالى-:

فَمَن كَانَ مِنكُم مَّرِيضًا أَوْ عَلَىٰ سَفَرٍ فَعِدَّةٌ مِّنْ أَيَّامٍ أُخَرَ

{*maka sesiapa yang di kalangan kamu yang sakit atau dalam perjalanan, maka gantian dari hari-hari yang lain*} [Al-Baqarah : 184]. Dia -سبحانه- tidak mensyaratkan dalam hari-hari ini berturut-turut, dan jika ia adalah syarat pasti Dia سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ menjelaskannya.

Persoalan Kedua: Puasa Galakan:

Di antara hikmah Allah عَزَّوَجَلَّ dan rahmat-Nya terhadap hamba-hamba-Nya: Bahawa Dia menjadikan untuk mereka perkara sukarela yang menyerupai perkara-perkara fardu, dan itu sebagai penambahan pada pahala dan ganjaran bagi orang-orang yang beramal, serta sebagai tampalan bagi kekurangan dan kecuaian yang barangkali mendatang pada yang fardu. Telah berlalu pada kita: Bahawa perkara-perkara fardu disempurnakan dari perkara-perkara nafilah pada Hari Kiamat. Hari-hari yang digalakkan berpuasa padanya ialah:

1- Puasa Enam Hari Dari Bulan Syawal: kerana hadith Abi Ayyub رَضِيَ ٱللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Aku mendengar Rasulullah صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ، ثُمَّ أَتْبَعَهُ سِتًّا مِنْ شَوَّالٍ، كَانَ كَصِيَامِ الدَّهْرِ

(**Sesiapa yang berpuasa Ramadhan, kemudian mengikutkannya enam hari dari Syawal, ia adalah seperti berpuasa setahun**)[1].

2- Puasa Hari Arafah Bagi Yang Tidak Haji: kerana hadith Abi Qatadah رَضِيَ ٱللَّهُ عَنْهُ, beliau berkata: Telah bersabda Rasulullah صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

صِيَامُ يَوْمِ عَرَفَةَ أَحْتَسِبُ عَلَى اللهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ وَالسَّنَةَ الَّتِي بَعْدَهُ

(**Berpuasa pada Hari Arafah, aku mengharap kepada Allah agar menebus setahun yang telah lalu, dan setahun yang sesudahnya**)[2]. Adapun orang yang menunaikan Haji, maka tidak disunatkan untuknya pada Hari Arafah; kerana Nabi صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ berbuka pada hari berkenaan dan orang ramai melihat kepada Baginda, juga kerana ia lebih menguatkan untuk orang menunaikan Haji bagi beribadah dan berdoa pada hari itu.

3- Puasa Hari Asyura: sesungguhnya telah ditanya Nabi صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ mengenai Hari Asyura? Lalu Baginda bersabda:

أَحْتَسِبُ عَلَى اللهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ

(**Aku harapkan kepada Allah agar menebus setahun yang sebelumnya**)[3].
Digalakkan berpuasa sehari sebelumnya atau sehari sebelumnya; kerana sabda Baginda صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

لَئِنْ بَقِيتُ إِلَى قَابِلٍ لَأَصُومَنَّ التَّاسِعَ

(**Jika aku masih ada sehingga tahun mendatang, pasti aku akan berpuasa hari yang kesembilan**)[4], dan kerana sabda Baginda صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

صُومُوا يَوْمَ عَاشُورَاءَ وَخَالِفُوا فِيهِ الْيَهُودَ صُومُوا قَبْلَهُ يَوْمًا أَوْ بَعْدَهُ يَوْمًا

(**Berpuasalah Hari Asyura, canggahilah Yahudi, berpuasalah sehari sebelumnya atau sehari selepasnya,**)[5].

4- Puasa Isnin dan Khamis Pada Setiap Minggu: kerana hadis Aisyah رَضِيَ ٱللَّهُ عَنْهَا: (Dahulunya Nabi صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersungguh-sungguh berpuasa Isnin dan Khamis)[6], dan kerana sabda Baginda صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

تُعْرَضُ الْأَعْمَالُ يَوْمَ الِاثْنَيْنِ وَالْخَمِيسِ، فَأُحِبُّ أَنْ يُعْرَضَ عَمَلِي وَأَنَا صَائِمٌ

(**Dibentangkan amalan-amalan pada Isnin dan Khamis, maka aku suka agar dibentangkan amalanku dalam keadaan aku berpuasa**)[7].

5- Puasa Tiga Hari Pada Setiap Bulan: kerana sabda Baginda صَلَّى ٱللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kepada Abdullah bin Amru:

وَصُمْ مِنْ الشَّهْرِ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ، فَإِنَّ الْحَسَنَةَ بِعَشْرِ أَمْثَالِهَا، وَذَلِكَ مِثْلُ صِيَامِ الدَّهْرِ

---

[1] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (1164).
[2] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (1162).
[3] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (1162). Ia adalah satu bahagian dari hadith yang panjang
[4] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (1133)-134.
[5] Diriwayatkan oleh Ahmad (1/241), Ibnu Khuzaimah dengan no. (2095), dan pada sanadnya terdapat kelemahan. Tetapi ia sahih daripada Ibnu Abbas dengan yang seumpamanya secara mauquf dari kata-katanya.
[6] Diriwayatkan oleh Ahmad (5/201), At-Tirmidzi dengan no. (745), dan berkata At-Tirmidzi: Hasan lagi sahih. Disahihkan oleh Al-Albaani (*At-Ta'liq ala Ibni Khuzaimah* dengan no. 2116).
[7] Dikeluarkan oleh At-Tirmidzi dengan no. (751), An-Nasaa'ie (1/322), Abu Daud dengan no. (2436), dan dihasankan oleh At-Tirmidzi. Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih At-Tirmidzi* no. 596).

(**Berpuasalah dari sebulan tiga hari, kerana sesungguhnya kebaikan itu adalah dengan sepuluh yang seumpamanya, dan itu adalah seumpama berpuasa setahun**)[1].

Daripada Abu Hurairah رَضِيَٱللَّهُعَنْهُ, beliau berkata:

أَوْصَانِي خَلِيلِي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِثَلَاثٍ؛ صِيَامِ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ مِنْ كُلِّ شَهْرٍ، وَرَكْعَتَيْ الضُّحَى، وَأَنْ أُوتِرَ قَبْلَ أَنْ أَنَامَ.

"Telah mewasiatkan kekasihku صَلَّىٱللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ dengan tiga perkara: berpuasa tiga hari pada setiap bulan, dua rakaat Dhuha, dan agar aku berwitir sebelum aku tidur"[2].

Digalakkan juga agar ia jadi pada hari-hari putih, iaitu yang ketiga belas, yang keempat belas, dan yang kelima belas; kerana hadith Abi Dzarr رَضِيَٱللَّهُعَنْهُ, beliau berkata: Telah bersabda Rasulullah صَلَّىٱللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ:

مَنْ كَانَ مِنْكُمْ صَائِمًا مِنْ الشَّهْرِ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ فَلْيَصُمْ الثَّلَاثَ الْبِيضَ

(**Sesiapa di kalangan kamu yang berpuasa dari sesuatu bulan, maka berpuasalah tiga yang putih**)[3].

6- Puasa Sehari dan Berbuka Sehari: kerana sabda Baginda صَلَّىٱللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ:

أَفْضَلُ الصِّيَامِ صِيَامُ دَاوُدَ عَلَيْهِ السَّلَام كَانَ يَصُومُ يَوْمًا وَيُفْطِرُ يَوْمًا

(**Seafdal-afdal puasa adalah puasa Daud عَلَيْهِٱلسَّلَامُ; dahulunya dia berpuasa sehari dan berbuka sehari**)[4]. Dan ini adalah bentuk puasa yang paling afdhal.

7- Puasa Bulan Allah Muharram: kerana hadith Abi Hurairah رَضِيَٱللَّهُعَنْهُ, beliau berkata: Telah bersabda Rasulullah صَلَّىٱللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ:

أَفْضَلُ الصِّيَامِ بَعْدَ رَمَضَانَ شَهْرُ اللهِ الْمُحَرَّمُ، وَأَفْضَلُ الصَّلَاةِ بَعْدَ الْفَرِيضَةِ صَلَاةُ اللَّيْلِ

(**Puasa paling afdhal sesudah Ramadhan adalah puasa bulan Allah Muharram, dan solat paling afdhal sesudah yang fardhu adalah solat malam**)[5].

8- Puasa Sembilan Hari Zulhijjah: dan ia bermula dari awal hari bulan Zulhijjah, dan berakhir dengan hari yang kesembilan, dan ia adalah hari Arafah; dan itu kerana umum hadith-hadith yang datang mengenai kelebihan beramal di dalamnya; sesungguhnya telah bersabda Baginda صَلَّىٱللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ:

مَا مِنْ أَيَّامٍ الْعَمَلُ الصَّالِحُ فِيهِنَّ أَحَبُّ إِلَى اللهِ مِنْ هَذِهِ الْأَيَّامِ الْعَشْرِ

(**Tiada mana-mana hari yang amalan soleh di dalamnya lebih disukai di sisi Allah berbanding yang sepuluh ini**)[6]. Dan puasa termasuk daripada amalan yang soleh.

9- Puasa Dalam Bulan Syaaban: kerana hadith Aisyah رَضِيَٱللَّهُعَنْهَا:

فَمَا رَأَيْتُ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَكْمَلَ صِيَامَ شَهْرٍ إِلَّا رَمَضَانَ، وَمَا رَأَيْتُهُ أَكْثَرَ صِيَامًا مِنْهُ فِي شَعْبَانَ.

"Aku tidak melihat Rasulullah صَلَّىٱللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ menyempurnakan puasa sebulan sama sekali melainkan bulan Ramadhan, dan aku tidak melihat Baginda dalam mana-mana bulan lebih banyak padanya berpuasa [seperti] di dalam Syaaban"[7].

---

[1] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1976).
[2] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1981).
[3] Diriwayatkan oleh Ahmad (5/152), An-Nasaa'ie (4/222), dan lafaz oleh Ahmad. Dihasankan oleh Al-Albaani (*Sahih Sunan An-Nasaa'ie* dengan no. 2277-2281).
[4] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1976).
[5] Diriwayatkan oleh Muslim dengan no. (1163).
[6] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (969).
[7] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1969) dan Muslim dengan no. (1156).

Juga kerana hadith Usamah bin Zaid رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا, beliau berkata: Aku telah berkata:

يَا رَسُولَ اللهِ! لَمْ أَرَكَ تَصُومُ شَهْرًا مِنْ الشُّهُورِ مَا تَصُومُ مِنْ شَعْبَانَ؟ قَالَ: (ذَلِكَ شَهْرٌ يَغْفُلُ النَّاسُ عَنْهُ، بَيْنَ رَجَبٍ وَرَمَضَانَ، وَهُوَ شَهْرٌ تُرْفَعُ فِيهِ الْأَعْمَالُ إِلَى رَبِّ الْعَالَمِينَ، فَأُحِبُّ أَنْ يُرْفَعَ عَمَلِي وَأَنَا صَائِمٌ).

Wahai Rasulallah! Tidak aku lihat engkau berpuasa satu bulan dari bulan-bulan sebagaimana engkau berpuasa pada Syaaban? Baginda bersabda: (**Itu adalah satu bulan yang terlalai orang ramai daripadanya, di antara Rejab dan Ramadhan. Ia adalah bulan yang diangkat di dalamnya amalan-amalan. Maka aku ingin agar diangkat amalanku dalam keadaan aku berpuasa**)[1].

Persoalan Ketiga: Apa Yang Dimakruhkan dan Diharamkan Dari Berpuasa:

1- Dimakruhkan menunggalkan bulan Rejab dengan berpuasa; kerana itu termasuk dari syiar-syiar Jahiliah, dan sesungguhnya mereka dahulu membesarkan bulan ini. Jika dia berpuasanya bersama selainnya ia tidak dimakruhkan; kerana dia tidak jadi ketika itu mengkhususkannya untuk berpuasa. Telah meriwayatkan Ahmad bin Kharsyah bin Al-Hurr, beliau berkata: Aku melihat Umar bin Al-Khattab memukul tapak tangan orang-orang yang berpuasa Rejab, sehingga mereka meletakkan kepada makanan, dan beliau berkata: "Makanlah kamu semua, ia hanyalah bulan yang dahulu diagungkan pada Jahiliah"[2].

2- Dimakruhkan menunggalkan hari Jumaat dengan berpuasa; kerana sabda Baginda صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

لَا تَصُومُوا يَوْمَ الْجُمُعَةِ إِلَّا أَنْ تَصُومُوا قَبْلَهُ

(**Janganlah kamu berpuasa hari Jumaat melainkan kamu berpuasa sehari sebelumnya atau sehari sesudahnya**)[3]. Jika dia berpuasanya bersama hari yang lain, maka itu tidak mengapa, kerana hadith yang lalu.

3- Dimakruhkan menunggalkan hari Sabtu dengan berpuasa; kerana sabda Baginda صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ:

لَا تَصُومُوا يَوْمَ السَّبْتِ إِلَّا فِيمَا افْتَرَضَ اللهُ عَلَيْكُمْ

(**Janganlah kamu berpuasa hari Sabtu melainkan pada apa yang difardhukan ke atas kamu**)[4]. Yang dimaksudkan: Larangan dari menunggalkannya, serta mengkhususkannya dengan berpuasa.

Adapun apabila ia digabungkan kepada yang lain maka tidak mengapa, kerana sabda Baginda صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ kepada Ummulmukminin Juwairiyah, dan Baginda telah masuk menemuinya pada hari Jumaat, sedangkan dia berpuasa:

(أَصُمْتِ أَمْسِ؟) فَقَالَتْ: لَا. قَالَ: (أَتُرِيدِينَ أَنْ تَصُومِي غَدًا؟) فَقَالَتْ: لَا. قَالَ: (فَأَفْطِرِي)

(**Adakah engkau berpuasa semalam?**). Dia berkata: Tidak. Baginda bersabda: (**Engkau ingin berpuasa esok?**). Dia berkata: Tidak. Baginda bersabda: (**Maka berbukalah**)[5].

Menunjukkan sabda Baginda صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (**Engkau ingin berpuasa esok?**) kepada keharusan berpuasa hari Sabtu berserta hari lain. Berkata Imam At-Tirmidzi رَحِمَهُ اللَّهُ sebaik mengeluarkan hadith

---

[1] Diriwayatkan oleh An-Nasaa'ie (4/201). Dihasankan oleh Al-Albaani (*Sahih Sunan An-Nasaa'ie* dengan no. 2356).

[2] Dirujuk oleh Al-Albaani kepada Ibnu Abi Syaibah, dan beliau berkata: Sahih. (*Irwaa Al-Ghalil* 4/113).

[3] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1985) dan Muslim dengan no. (1144).

[4] Dikeluarkan oleh Abu Daud dengan no. (2421), At-Tirmidzi dengan no. (744), Ibnu Majah dengan no. (1726), Al-Hakim (1/435). Ia dihasankan oleh At-Tirmidzi dan disahihkan oleh Al-Hakim mengikut syarat Al-Bukhari, dan ia disepakati oleh Ad-Dzahabi. Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih At-Tirmidzi* dengan no. 594).

[5] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1986).

larangan yang telah lalu: “dan makna kemakruhan di dalam ini adalah: bahawa mengkhususkan seseorang hari Sabtu dengan berpuasa; kerana orang-orang Yahudi membesarkan hari Sabtu”.

4- Diharamkan berpuasa hari Syak, iaitu hari ketiga puluh dari Syaaban, apabila ada di langit apa yang menghalang melihat anak bulan. Sekiranya langit cerah maka tiada syak. Dalil pengharamannya: hadith Ammar رَضِيَٱللَّهُعَنْهُ, beliau berkata:

مَنْ صَامَ يَوْمَ الشَّكِّ فَقَدْ عَصَى أَبَا الْقَاسِمِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

(**Sesiapa yang berpuasa hari yang diragui padanya, maka dia telah derhaka Aba Al-Qasim**)[1].
Juga kerana sabda Baginda صَلَّىٱللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ:

لَا تَقَدَّمُوا شَهْرَ رَمَضَانَ بِصِيَامٍ قَبْلَهُ بِيَوْمٍ أَوْ يَوْمَيْنِ إِلَّا أَنْ يَكُونَ رَجُلٌ كَانَ يَصُومُ صَوْمًا فَلْيَصُمْهُ

(**Janganlah seseorang kamu mempercepatkan bulan Ramadhan dengan berpuasa sehari atau dua hari, melainkan dia adalah seorang yang sedang berpuasa puasanya, maka berpuasalah hari berkenaan**)[2].

Maknanya: Janganlah seseorang mempercepatkan Ramadhan dengan berpuasa hari yang dikira darinya dengan tujuan berjaga-jaga, kerana puasanya adalah terikat dengan melihat, maka tidak perlu kepada memberat-beratkan diri. Adapun sesiapa yang mempunyai kebiasaan yang dia berpuasa padanya, maka tiada apa-apa ke atasnya; kerana itu bukan termasuk dari mengedepankan Ramadhan. Dikecualikan juga dari itu: qada dan nazar kerana kewajipan kedua-duanya.

5- Diharamkan berpuasa dua Hari Raya, kerana hadith Abi Sa’eid رَضِيَٱللَّهُعَنْهُ:

نَهَى النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ صَوْمِ يَوْمِ الْفِطْرِ وَالنَّحْرِ

“Telah melarang Nabi صَلَّىٱللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ dari berpuasa pada hari Fitri dan Nahar”[3],
dan kerana hadith Umar bin Al-Khattab رَضِيَٱللَّهُعَنْهُ, beliau berkata:

هَذَانِ يَوْمَانِ نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ صِيَامِهِمَا يَوْمُ فِطْرِكُمْ مِنْ صِيَامِكُمْ وَالْيَوْمُ الْآخَرُ تَأْكُلُونَ فِيهِ مِنْ نُسُكِكُمْ

“Ini dua hari yang melarang Rasulullah صَلَّىٱللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ dari berpuasa kedua-duanya: hari kamu berbuka dari puasa kamu, dan satu hari lagi yang kamu makan padanya dari binatang sembelihan kamu”[4].

6- Dimakruhkan berpuasa hari-hari Tasyriq; iaitu tiga hari sesudah hari penyembelihan: yang kesebelas, yang kedua belas dan yang ketiga belas, kerana sabda Baginda صَلَّىٱللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ mengenainya:

أَيَّامُ أَكْلٍ وَشُرْبٍ وَذِكْرِ اللهِ عَزَّ وَجَلَّ

(**Hari-hari makan dan minum, serta mengingati Allah** عَزَّوَجَلَّ)[5].
Juga kerana sabda Baginda صَلَّىٱللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ:

---

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari secara muallaq di dalam *Sahih* beliau dengan bentuk jazam (*Al-Fath* 4/143), Kitab Puasa, Bab Sabda Nabi صَلَّىٱللَّهُعَلَيْهِوَسَلَّمَ: (**Apabila kamu terlihat anak bulan maka berpuasalah**). Ia dihubungkan oleh At-Tirmidzi dengan no. (689) dan lain-lain, dan beliau berkata: Hadith yang hasan lagi sahih. Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih At-Tirmidzi* dengan no. 553).
[2] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1914).
[3] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1991).
[4] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1990).
[5] Dikeluarkan oleh Muslim dengan no. (1141).

يَوْمُ عَرَفَةَ، وَيَوْمُ النَّحْرِ، وَأَيَّامُ التَّشْرِيقِ؛ عِيدُنَا أَهْلَ الْإِسْلَامِ، وَهِيَ أَيَّامُ أَكْلٍ وَشُرْبٍ

(**Hari Arafah, hari Nahar, dan hari-hari Tasyriq adalah hari perayaan kita Ahli Islam, dan ia adalah hari-hari makan dan minum**)[1].

Dilonggarkan untuk berpuasanya bagi orang tamatuk dan qarin, apabila mereka berdua tidak dapati harga bintang korban; kerana hadis Aisyah dan Ibnu Umar رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا, mereka berdua berkata: (Tidak dilonggarkan pada hari-hari Tasyriq untuk berpuasanya melainkan sesiapa yang tidak mendapat binatang korban)[2].

[1] Dikeluarkan oleh At-Tirmidzi dengan no. (777), dan beliau berkata: Hasan lagi sahih. Disahihkan oleh Al-Albaani (*Sahih At-Tirmidzi* dengan no. 620).

[2] Dikeluarkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1997, 1998).

Bab Kelima: Berkenaan Iktikaf

Dan padanya ada beberapa persoalan:

Persoalan Pertama: Pengenalan Iktikaf dan Hukumnya:

1- Pengenalannya: Iktikaf di dalam bahasa: Mendiami sesuatu, dan mengurung diri padanya.

Di dalam Syarak: Mendiami seorang Muslim yang mumaiyiz sebuah masjid untuk mentaati Allah عَزَّوَجَلَّ.

2- Hukumnya: dan ia adalah satu sunnah dan satu perkara yang mendekatkan kepada Allah -تعالى-; kerana firman-Nya عَزَّوَجَلَّ:

أَن طَهِّرَا بَيْتِيَ لِلطَّآئِفِينَ وَٱلْعَـٰكِفِينَ وَٱلرُّكَّعِ ٱلسُّجُودِ ﴿١٢٥﴾

{*hendaklah kamu berdua membersihkan rumah-Ku untuk orang yang beriktikaf, ruku' dan sujud*} [Al-Baqarah : 125].

Ayat ini adalah dalil terhadap pensyariatannya hinggakan pada umat-umat yang telah lalu. Serta firman-Nya -تعالى-:

وَلَا تُبَـٰشِرُوهُنَّ وَأَنتُمْ عَـٰكِفُونَ فِى ٱلْمَسَـٰجِدِ ۗ

{*dan janganlah kamu membuat hubungan dengan mereka sedangkan kamu beriktikaf di dalam masjid*} [Al-Baqarah : 187]

Daripada Aisyah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَعْتَكِفُ الْعَشْرَ الْأَوَاخِرَ مِنْ رَمَضَانَ حَتَّى تَوَفَّاهُ اللهُ

"**Bahawa Nabi** صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ **dahulu beriktikaf pada sepuluh akhir Ramadhan sehingga Baginda diwafatkan oleh Allah**"[1].

Telah bersepakat orang-orang Islam terhadap pensyariatannya, dan bahawa ia adalah sunnah. Ia tidak wajib ke atas seseorang melainkan dia mewajibkannya ke atas dirinya sendiri, sebagai contoh dia menazarkannya.

Persoalan Kedua: Syarat-syarat Iktikaf:

Iktikaf adalah ibadah yang mempunyai syarat-syarat yang ia tidak akan sah melainkan dengannya, dan ia adalah:

1- Hendaklah orang yang beriktikaf itu seorang Muslim yang mumaiyiz lagi berakal: maka tidak sah iktikaf dari seorang kafir, tidak seorang yang gila, tidak juga seorang budak yang tidak mumaiyiz; adapun baligh dan kelelakian kedua-dua tidak disyaratkan. Sah Iktikaf dari seorang yang tidak baligh sekiranya dia mumaiyiz, dan begitu juga dari seorang wanita.

2- Niat: kerana sabda Baginda صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: (**Amalan-amalan hanyalah dengan niat-niat**)[2]. Maka orang yang beriktikaf itu perlu berniat melazimi tempat iktikafnya; sebagai mendekatkan diri dan mengabdikan diri kepada Allah عَزَّوَجَلَّ.

---

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (2020) dan Muslim dengan no. (1172).

[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (1) dan Muslim dengan no. (1907).

3- Hendaklah iktikaf itu di dalam sebuah masjid: kerana firman-Nya -تعالى-:

وَلَا تُبَٰشِرُوهُنَّ وَأَنتُمۡ عَٰكِفُونَ فِي ٱلۡمَسَٰجِدِۗ

{*sedangkan kamu beriktikaf di dalam masjid*} [Al-Baqarah : 187],
juga kerana perbuatan Baginda ﷺ di mana Baginda dahulu beriktikaf di masjid, dam tidak dinukilkan daripada Baginda bahawa Baginda beriktikaf pada selainnya.

4- Hendaklah masjid yang diiktikaf di dalamnya didirikan di dalamnya solat jemaah: dan itu adalah apabila tempoh Iktikaf berkenaan diselangi oleh solat fardhu, dan orang yang beriktikaf itu adalah dari kalangan orang yang wajib ke atasnya jemaah. Kerana Iktikaf di dalam masjid yang tidak didirikan di dalamnya solat jemaah memestikan ditinggalkan jemaah sedangkan ia wajib ke atasnya. Adapun wanita, sah iktikafnya dalam setiap masjid tak kira sama ada dirikan di dalamnya jemaah atau pun tidak. Ini adalah apabila tidak terhasil dari iktikafnya sebarang fitnah, jika terhasil dari itu fitnah, dia adalah dihalang. Yang afdhal hendaklah masjid yang dia beriktikaf di dalamnya didirikan di dalam jemaah, namun itu bukanlah syarat untuk beriktikaf.

5- Bersih dari hadas besar: maka tidak sah Iktikaf orang yang junub, tidak orang yang haid, dan tidak juga wanita yang nifas; kerana tidak harus duduk diam mereka ini di dalam masjid.

Manakala puasa, ia bukanlah syarat di dalam Iktikaf; kerana apa yang diriwayatkan daripada Ibnu Umar رَضِيَ ٱللَّهُ عَنْهُمَا, bahawa Umar berkata:

يَا رَسُولَ الله! إِنِّي نَذَرْتُ فِي الْجَاهِلِيَّةِ أَنْ أَعْتَكِفَ لَيْلَةً فِي الْمَسْجِدِ الْحَرَامِ. قَالَ: (أَوْفِ بِنَذْرِكَ)

Wahai Rasulullah! Sesungguhnya aku telah bernazar ketika Jahiliah bahawa aku akan beriktikaf satu malam di dalam Masjid Al-Haram. Lalu Baginda bersabda: (**Setialah dengan nazarmu**)[1].

Kalau puasa adalah syarat nescaya tidak sah iktikafnya pada waktu malam, kerana tiada puasa di dalamnya. Juga kerana kedua-duanya adalah dua ibadah yang berasingan, maka tidak disyaratkan untuk salah satu di antara keduanya untuk wujud yang satu lagi.

Persoalan Ketiga: Tempoh Beriktikaf, Galakan-galakannya, dan Apa Yang Dibolehkan Untuk Orang Yang Beriktikaf:

1- Tempoh Iktikaf dan Waktunya: Diam di dalam masjid satu kadar dari waktu adalah rukun Iktikaf. Jika tidak berlaku diam di dalam masjid, tidak terhasil Iktikaf. Mengenai jangka masa terpendek Iktikaf ada percanggahan di kalangan Ahli Ilmu. Yang sahih -إن شاء الله- bahawa tempoh Iktikaf tiada untuk yang tersingkatnya sebarang had, oleh itu sah Iktikaf satu tempoh dari waktu, sekalipun singkat. Jika tidak, sesungguhnya yang afdhal adalah janganlah Iktikaf itu kurang daripada seharian atau semalaman; kerana tidak dinukilkan daripada Nabi ﷺ dan tidak juga daripada para Sahabat Baginda beriktikaf dalam yang kurang daripada itu.

Waktu paling afdhal beriktikaf adalah pada sepuluh akhir Ramadhan; kerana hadith Aisyah رَضِيَ ٱللَّهُ عَنْهَا yang lalu: "**Bahawa Nabi ﷺ dahulu akan beriktikaf pada sepuluh akhir Ramadhan sehingga Baginda diwafatkan oleh Allah**"[2]. Jika dia beriktikaf pada selain waktu ini, itu adalah harus, namun ia bercanggahan yang aula dan yang afdhal.

---

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (2032) dan Muslim dengan no. (1656).
[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (2020) dan Muslim dengan no. (1172).

Sesiapa berniat beriktikaf pada sepuluh akhir Ramadhan, dia perlu solat pada pagi hari yang ke dua puluh satu di masjid yang dia berniat untuk beriktikaf di dalamnya, dan kemudian dia masuk ke dalam iktikafnya, dia berakhir dengan terbenam matahari hari terakhir Ramadhan.

2- Galakan-galakannya: Iktikaf adalah ibadah yang bersendirian seseorang hamba di dalamnya dengan Penciptanya, dan dia memutuskan hubungan-hubungan daripada apa yang selain-Nya. Maka digalakkan untuk orang yang beriktikaf agar menghabiskan masa untuk beribadah, lalu dia membanyakkan bersolat, berzikir, berdoa, membaca Al-Quran, bertaubat, beristighfar, dan ketaatan-ketaatan seumpama itu yang akan mendekatkannya kepada Allah -تعالى-.

3- Apa Yang Dibolehkan Untuk Orang Yang Beriktikaf: Dibolehkan untuk orang yang beriktikaf keluar dari masjid bagi apa yang tiada jalan lari darinya; seperti keluar untuk makan dan minum, apabila tiada untuknya sesiapa yang akan membawakannya, keluar untuk qada hajat, berwuduk dari kerana hadas, dan mandi dari kerana janabah.

Dibolehkan untuknya bercakap kepada orang ramai berkenaan apa yang berfaedah, dan menanyakan mengenai hal-ehwal mereka. Adapun bercakap pada apa yang tidak berfaedah, dan pada tiada kepentingan padanya, kerana ia adalah bertentangan tujuan Iktikaf dan apa yang ia disyariatkan demi kerananya.

Dibolehkan untuknya diziarahi oleh sebahagian ahli keluarga dan kaum kerabatnya, dia bercakap kepadanya untuk satu tempoh masa, dan keluar dari tempat iktikafnya untuk mengucap selamat jalan kepadanya; kerana hadith Sofiyyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا, beliau berkata:

كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مُعْتَكِفًا، فَأَتَيْتُهُ أَزُورُهُ لَيْلًا، فَحَدَّثْتُهُ، ثُمَّ قُمْتُ لِأَنْقَلِبَ، فَقَامَ مَعِي لِيَقْلِبَنِي

"**Dahulunya Nabi صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ beriktikaf, maka aku datang pada waktu malam, lalu aku bercakap dengan Baginda, dan kemudian aku pun bangun, lalu aku ingin balik, lantas Baginda telah bangun bersamaku untuk mengembalikanku balik ..**"[1] hadith. Makna untuk mengembalikanku balik: Baginda menghantarku ke rumahku.

Boleh untuk orang yang beriktikaf makan, minum, dan tidur di dalam masjid, berserta menjaga kebersihan masjid dan pemeliharaannya.

Persoalan Keempat: Pembatal-pembatal

Iktikaf: Akan terbatal Iktikaf dengan apa yang berikut:

1- Keluar dari masjid dengan tanpa keperluan secara sengaja, sekalipun singkat waktu keluar berkenaan; kerana hadith Aisyah رَضِيَ اللهُ عَنْهَا:

وَكَانَ لَا يَدْخُلُ الْبَيْتَ إِلَّا لِحَاجَةٍ إِذَا كَانَ مُعْتَكِفًا

"**Dan Baginda dahulu tidak masuk rumah melainkan untuk keperluan, sekiranya Baginda beriktikaf**"[2], juga kerana keluar itu akan menghilangkan diam pada orang yang beriktikaf, dan ia adalah rukun Iktikaf.

[1] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (2035) dan Muslim dengan no. (2175).

[2] Diriwayatkan oleh Al-Bukhari dengan no. (2029).

2- Bersetubuh, walaupun itu terjadi pada waktu malam, ataupun persetubuhan itu terjadi di luar masjid; kerana firman-Nya -تعالى-:

وَلَا تُبَٰشِرُوهُنَّ وَأَنتُمۡ عَٰكِفُونَ فِي ٱلۡمَسَٰجِدِۗ

{*dan janganlah kamu membuat hubungan dengan mereka dalam keadaan kamu beriktikaf di dalam masjid*} [Al-Baqarah : 187].

Dan termasuk di dalam hukumnya, inzal dengan syahwat tanpa persetubuhan, seperti onani dan hubungan langsung dengan isteri pada selain faraj.

3- Hilang akal, lantas akan rosak iktikaf dengan kegilaan dan kemabukan; kerana terkeluar seorang yang gila dan seorang yang mabuk daripada menjadi dari kalangan Ahli Ibadah.

4- Haid dan Nifas; kerana tidak boleh diam seorang yang haid dan wanita yang nifas di dalam masjid.

5- Murtad; kerana pertentangannya dengan ibadah, dan kerana firman-Nya -تعالى-:

لَئِنۡ أَشۡرَكۡتَ لَيَحۡبَطَنَّ عَمَلُكَ

{*benar-benar jika kamu melakukan penyekutuan, pasti akan gugur amalanmu*} [Az-Zumar : 65]